

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Jumlah kes penipuan di Sarawak meningkat tahun ini
Date : 19 April 2023
Section : Tempatan
Page : 6



Jumlah kes penipuan di Sarawak meningkat tahun ini

885 kes direkod 1 Januari-16 April tahun ini, meningkat 133 kes berbanding tempoh sama tahun lepas

Oleh Jeremy Lanson

KUCHING: Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Sarawak merekodkan 885 kes penipuan dari 1 Januari hingga 16 April tahun ini.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 133 kes berbanding tempoh sama tahun lepas.

Menurutnya, jumlah kerugian yang dicatatkan dianggarkan mencecah RM34.3 juta.

“Bagi tempoh 1 Januari hingga 16 April, sebanyak 885 kes dicatatkan berband-

ing tempoh sama tahun lepas sebanyak 752 kes iaitu peningkatan sebanyak 133 kes atau 17.69 peratus.

“Kerugian jenayah komersial bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM34.3 juta bagi tahun 2023 manakala bagi tempoh sama tahun 2022, adalah sebanyak RM20.7 juta iaitu peningkatan sebanyak RM13.6 juta atau 65.46 peratus,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak semalam.

Dedah beliau, kes penipuan e-dagang mencatatkan jumlah terbanyak iaitu 172 kes, kes tawaran pekerjaan sebanyak 103 kes, kes pinjaman tidak wujud

“Bagi tempoh 1 Januari hingga 16 April, sebanyak 885 kes dicatatkan berbanding tempoh sama tahun lepas sebanyak 752 kes iaitu peningkatan sebanyak 133 kes atau 17.69 peratus.”

Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri
Pesuruhjaya Polis Sarawak

sebanyak 93 kes, ‘phone scam’ sebanyak 63 kes dan kes penipuan pelaburan sebanyak 60 kes.

“Usaha berterusan JSJK Sarawak membendung jenayah komersial di negeri ini telah menghasilkan se-

banyak 239 tangkapan bagi tahun 2023.

“Manakala seramai 396 orang iaitu termasuk dari kes-kestahunsebelum ini telah dituduh di mahkamah,” katanya.

Mohd Azman turut me-



MOHD AZMAN

nasihati orang ramai agar tidak mudah panik jika menerima panggilan telefon dengan muslihat atau tipu

helah pihak-pihak tertentu yang membuat panggilan mengatakan ada terlibat dalam kes pengubahan wang haram, kes jenayah, kes dadah dan sebagainya.

“Apabila dihubungi oleh pihak yang mencurigakan, jangan sesekali memindahkan wang atau memberikan butiran perbankan kepada mereka, sebaliknya terus hubungi atau hadir di balai polis berhampiran.

“Atau hubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 dengan segera bagi menyekat pengeluaran wang anda,” katanya.

Ujarnya juga, orang ramai boleh membuat semakan

nombor akaun bank suspek di portal semak Mule PDRM atau laman web <https://se-makmule.rmp.gov.my/>.

“Melalui semakan aplikasi Whoscall orang ramai juga boleh mengesan panggilan masuk nombor telefon scammer yang tersenarai dalam pangkalan data sistem semakmule milik JSJK,” katanya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari portal rasmi Polis Diraja Malaysia (rmp.gov.my), Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (ccid.rmp.gov.my) dan Facebook JSJK Sarawak untuk mendapatkan maklumat dan nasihat terkini berhubung modus operandi kes penipuan.